

Pelan damai tamatkan krisis

14 APR 2002

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 13 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menggariskan satu rancangan damai bagi menamatkan krisis kepimpinan dalam MCA, parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Rancangan tersebut telah dinyatakan dalam pertemuan Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik di Putrajaya hari ini.

Pelan tersebut dianggap sangat perlu ketika Kumpulan B dalam parti tersebut yang menentang Liong Sik masih dengan pendirian untuk mengadakan mesyuarat luar biasa (EGM), Ahad depan.

Liong Sik ketika mengesahkan pertemuan hari ini berkata, dalam perjumpaan selama sejam itu, Perdana Menteri telah mengemukakan satu agenda yang mampu menstabilkan dan mendamaikan pergolakan itu.

Objektif

“Pertemuan antara saya dengan Dr. Mahathir berjalan dalam keadaan yang amat baik. Saya berjanji untuk menyokong dan mencapai objektif melalui rancangan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ini,” katanya ketika dihubungi.

Turut mengiringi Liong Sik dalam pertemuan itu ialah dua Naib Presiden MCA iaitu Datuk Dr. Fong Chan Onn dan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Semalam, Dr. Mahathir berkata di Kota Bharu beliau akan menemui Liong Sik dan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek bagi menyelesaikan pertelingkahan antara kedua-dua pemimpin tersebut.

Perdana Menteri berpendapat perselisihan yang terjadi antara Liong Sik dan

■ Lihat muka 4

Pelan damai tamatkan krisis

Ah Lek tidak mendatangkan sebarang faedab kepada parti itu dan kerajaan.

Dr. Mahathir yakin krisis kepimpinan yang berlaku di dalam MCA boleh diaelesaikan melalui rundingan.

Sementara itu, Ah Lek ketika dihubungi hari ini berkata, beliau belum berjumpa dengan Perdana Menteri untuk membincangkan krisis dalam M C A .

“Saya bersedia berjumpa dengan Dr. Mahathir bila-bila masa sahaja. Terpujanglah kepada beliau bila mahu memanggil saya untuk berbincang.

“Saya yakin usaha Perdana Menteri untuk bertemu dengan saya serta Liong Sik akan memberi kebaikan kepada MCA dan seterusnya kepada BN,” katanya.

Beliau percaya Dr. Mahathir mampu menyelesaikan masalah serta konflik yang dihadapi oleh MCA ketika ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Ah Lek dan penyokong-penyokongnya bertemu di Park Plaza Hotel di sini hari ini untuk membincangkan perkembangan rancangan mengadakan EGM itu.

Timbalan Setiausaha Agung Pemuda MCA, Liow Tiong Lai dan Ketua MCA bahagian Serdang, Datuk Yap Pian Hon ketika dihubungi mengesahkan EGM itu tetap akan diadakan pada 21 April ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sebelum ini Setiausaha, Agung MCA, Datuk Seri Dr. Ting Chew Peh,

telah menolak permohonan kumpulan tersebut untuk mengadakan mesyuarat itu.

Menurut Chew Peh, EGM itu tidak boleh diadakan kerana ia bertentangan dengan peruntukan parti ekoran keperluan mendapatkan tandatangan sokongan satu pertiga perwakilan tidak dipenuhi oleh kumpulan itu.

Kumpulan tersebut perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 794 tandatangan untuk mengadakan EGM.

Bagaimanapun, disebabkan 49 daripada 810 perwakilan yang bersetuju mengadakan mesyuarat itu sebelum ini menarik diri, jumlah yang tinggal tidak sampai satu pertiga.